2. Develop and continuously carry out IBS promotional programs with the Local Authorities and private developer.
3. Reduce IBS costs through systematic reduction of the costs of steel moulds and logistics.
4. Mandating the use of IBS for project exceeding RM 100 million
5. Increasing the number of IBS manufacturers and distributors.
6. Projects must be designed based on IBS specification and there must be standardization in the design

This study has also revealed that IBS usage by the private sector depends on the following critical factors:

- a. Role and policy from Local Authorities mandating the use of IBS through building plan approval process.
- b. Own Initiatives by the private developer in adopting the use of IBS for their projects.

1.2 Seminar Penggiat Industri IBS Tahun 2013

Seminar Penggiat Industri telah diadakan dengan kerjasama pejabat Negeri CIDB di 6 zon utama iaitu Zon Utara (Perak), Zon Timur (Terengganu), Zon Tengah (Selangor), Zon Sabah (Tawau) dan Zon Sarawak (Miri). Seminar ini bertujuan memberi pendedahan kepada penggiat industri terutama kontraktor, mengenai isu-isu yang berkaitan dengan bidang latihan, projek-projek pembinaan dan sumber kewangan yang disediakan untuk mereka.

Dalam seminar ini, Pusat IBS telah menjemput beberapa penceramah untuk menyampaikan ceramah dalam pelbagai topik, peluang-peluang pembinaan dan tawaran kewangan serta syarat-syarat yang diperlukan untuk setiap permohonan. Butiran seminar adalah seperti berikut:

1.2 Seminar for IBS players in 2013

IBS Seminars for the Industry Players were held with the cooperation of State CIDB offices. They were held within 6 primary zones, namely North Zone Perak, East Zone (Terengganu), Central Zone (Selangor), Sabah Zone (Tawau) and Sarawak Zone (Miri). These seminars are aimed at giving exposure to industry players especially contractor, on issues related to the areas of training, construction projects and financial resources available to them.

In this seminar, IBS Centre had invited a number of speakers to relay talks on diverse topics, construction project opportunities, and financial offers together with conditions needed for every application. Seminar details are as follows:

| Bil No | Zon & Lokasi Seminar Seminars Zone & Locations | Penyertaan Seminar Seminar Participation | Tarikh Seminar Date of Seminar |
|--------|---|---|-----------------------------------|
| 1 | Zon Utara / North : Ipoh, Perak | 230 orang/ people | 26 Feb 2013 |
| 2 | Zon Timur / East : Kuala Terengganu | 205 orang/ people | 9 Apr 2013 |
| 3 | Zon Selatan / South : Johor Bharu | 250 orang/ people | 16 Apr 2013 |
| 4 | Zon Sabah, Kota Kinabalu | 200 orang/ people | 9 Mei / May 2013 |
| 5 | Zon Sarawak, Miri | 200 orang/ people | 21 Mei / May 2013 |
| 6 | Zon Tengah / Central : Shah Alam | 230 orang/ people | 21 Jun / June 2013 |

1.3 Forum Penggiat Industri IBS Tahun 2013

Tujuan forum ini adalah untuk memupuk budaya inovasi di kalangan pengeluar IBS di Malaysia. Ianya mewujudkan kesedaran kepada penyelidikan dan inovasi yang akan membawa kepada peningkatan dari segi prestasi keseluruhan. Di samping itu, ia akan menjadi satu platform interaktif antara pengeluar IBS dan Pusat IBS, CIDB untuk membincangkan isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh pengeluar IBS. Butiran Forum adalah seperti berikut:

1.3 Forum for IBS Industry Players 2013

The purpose of this forum is to cultivate innovation culture among IBS manufacturers in Malaysia. It creates awareness on research and innovation which is expected to enhance the overall performance. At the same time, it will be an interactive platform between IBS manufacturer and IBS Centre, CIDB to discuss issues and challenges faced by IBS manufacturers. Details of Forums are as follows;

| Bil No | Zon & Lokasi Forum Forum Zone & Locations | Penyertaan Seminar Seminar Participation | Tarikh Forum Date of Forum |
|--------|--|---|-------------------------------|
| 1 | Zon Utara / North : Ipoh, Perak | 30 orang/ people | 27 Feb 2013 |
| 2 | Zon Selatan / South : Johor Bharu | 30 orang/ people | 17 Apr 2013 |
| 3 | Zon Tengah / Central : Shah Alam | 30 orang/ people | 22 Jun / June 2013 |

1.4 Pembangunan Manual Panduan IBS untuk Pemaju

Manual ini bertujuan membantu industri pembinaan terutamanya pemaju yang ingin memulakan pembinaan bangunan berasaskan IBS. Garispanduan dibangun bersama Malaysian Productivity Corporation. Manual mengandungi informasi dan maklumat lengkap yang berkaitan seperti keperluan-keperluan Pihak Berkuasa Tempatan yang memerlukan pemaju menggunakan kandungan IBS sebanyak 70%.

1.4 Development of IBS Guide manual for Developers

The Manual aims to assist construction industry players especially the developers who are planning to use IBS in their building or property construction. The manual is developed together with the Malaysian Productivity Corporation. It contains complete information about IBS including the requirement of the Local Authority for developers to use up to 70% IBS content.

1.5 Penambahbaikan Perisian IBS Score dari Versi 3 ke Versi 4

Penggunaan IBS Score (versi 3) secara meluas telah banyak membantu para pengamal industri dalam pengiraan IBS Skor. Namun, pihak Pusat IBS serta pengamal industri telah mengenalpasti beberapa masalah berkaitan perisian yang sediaada dan mendapati terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki. Hal ini adalah bagi membantu mempermudah penggunaan IBS untuk menjadikannya lebih berkesan.

1.5 IBS Score software improvement from version 3 to version 4

IBS Score has been a great help to the industry practitioners as it simplifies the computation of percentage use of IBS in a particular building project. However, IBS Centre and industry practitioners have identified some weaknesses in the software that required it to be improved. The new version will remedy these weaknesses and further simplifies the computation of IBS Score.



1.6 Penilaian Pengeluar berstatus IBS

Penilaian Pengeluar berstatus IBS adalah proses penilaian yang dijalankan ke atas pengeluar produk komponen IBS. Penilaian dan Pensijilan Pengesahan AIS (Assessments For IBS Status) membolehkan para pengeluar, pemaju, Pihak Berkuasa Tempatan serta penggiat industri pembinaan mendapatkan pengesahan produk IBS yang berkualiti dan menepati piawaian. Setiap proses pengeluaran produk komponen IBS akan dinilai dengan terperinci dan diluluskan sebelum sijil Pengeluar Komponen berstatus IBS ditauliahkan kepada pengeluar yang layak.


1.6 Assessment of IBS status Manufacturers

IBS Manufacture Assessment evaluation is an evaluation process carried out on IBS component products manufacturer. Assessment and Certification for AIS (Assessment for IBS Status) enable manufacturers, developer, Local Authorities and construction industry players to obtain IBS products with quality and standard compliances. Every step in manufacturing of IBS components will be assessed in detail and approved prior to the issuance of Certificate of IBS Component Manufacturers to the qualified companies.

Pensijilan Pengesahan Pengeluar berstatus IBS (AIS) dibahagikan kepada enam sistem IBS. Pemberian sistem ini berdasarkan kepada keupayaan pengeluar dalam menghasilkan komponen IBS untuk sistem tersebut. Pensijilan ini dikeluarkan untuk mewakili satu premis/ tapak bina dalam satu-satu masa. Pemohon perlu memohon untuk mendapatkan Pensijilan Pengesahan AIS di setiap premis/ tapak bina sekiranya perlu. Statistik pendaftaran pengeluar komponen IBS mengikut negeri di bawah program IBS adalah seperti dalam Carta 1;

The Certification as an IBS Manufacturer (AIS) is issued under six IBS systems. The certification is based on the manufacturers' capacity in generating IBS components. This certification is issued to a premise / site at any one time. Applicant need to apply the Certificate for additional premises / sites if necessary. Statistics for IBS component manufacturers based on states are as given in chart 1;

Carta 1 : Statistik Pendaftaran program AIS tahun 2013/Chart 1 : AIS Registration Statistics 2013



2.0 Penyelidikan & Pembangunan

Penyelidikan bidang pembinaan dijalankan secara berterusan oleh Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM). Penyelidikan ini biasanya dilakukan secara kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi seperti UM, UTM, UPM dan UiTM. Tahun ini antara projek penting R&D yang telah dijalankan ialah R&D untuk Pembangunan Sustainable Village di tapak Akademi Binaan Malaysia di Sarawak.

2.1 R&D untuk pembangunan Sustainable Village

Projek R&D untuk Pembangunan Sustainable Village memerlukan perancangan yang rapi memandangkan inilah satu-satunya projek serupa ini di negara ini. Projek bertujuan mewujudkan persekitaran kehidupan alternatif berciri sifar tenaga dan menggunakan produk dan bahan tempatan yang mudah diperolehi. Model rumah yang diperbuat daripada karung pasir, buluh dan kayu telah dirancang. Rumah-rumah ini akan mempunyai ciri-ciri hijau, reka bentuk hijau pasif, bahan boleh dikitar semula dan penggunaan tenaga yang diperbaharui (panel suria).

Pengalaman dan pengajaran daripada projek ini dapat membantu usaha-usaha melaksanakan inisiatif sustainability untuk lain-lain projek di negara ini, selaras dengan amalan di negara maju di mana isu sustainability amat di ambil berat bukan sahaja oleh rakyat tetapi juga kerajaan negara-negara tersebut.

2.0 Research & Development

The Malaysian Research Institute of Malaysia (CREAM) continuously carries out construction research. These researches are often accomplished in collaboration with institutions of higher learning like UM, UTM, UPM and UiTM. This year, one of the most important researches undertaken is R&D for Sustainable Village Development to be located at the Akademi Binaan Malaysia site in Sarawak.

2.1 R&D for development of Sustainable Village

The research & development program for the Development of Sustainable Village will need further planning and closer monitoring since this is the only project of this nature in the country. The project aims at alternative zero energy village living using readily available local products and materials. Model houses made of sandbag, bamboo and timber have been planned. These houses will incorporate green features, passive green design, recyclable materials and the use of renewable energy (solar panels).

Experiences and lessons learnt from this project will be useful in implementing sustainability initiatives by to other projects, in accordance with the practices in other developed countries where sustainability issues are major concerns of not just the citizen but also the governments.

BIDANG KEUTAMAAN 3 -

Bidang Keutamaan 3 - Pembangunan Syarikat Industri Pembinaan

PRIORITY AREA 3 -

Development of Construction Industry Company

Salah satu fungsi utama dan terpenting CIDB ialah memastikan pembangunan mampan industri pembinaan yang dipacu oleh kecekapan dan kepakaran syarikat-syarikat pembinaan negara, khususnya syarikat kontraktor. Tidak hairanlah jika program pembangunan kontraktor ini merupakan program yang berterusan sejak CIDB mula beroperasi pada tahun 1996 dan akan terus menjadi program utama untuk menjamin kewujudan sekumpulan syarikat pembinaan yang mampu menyumbang ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020.

Program pembangunan kontraktor CIDB bermula dengan pendaftaran kontraktor. Kontraktor yang berdaftar dengan CIDB akan diterap dengan nilai-nilai murni perniagaan serta keupayaan dan kemampuan pengurusan, teknikal dan pengetahuan am. Bagi menilai keberkesanan program pembangunan tersebut, CIDB juga telah membangun satu sistem untuk menilai keupayaan dan kemampuan kontraktor melaksanakan projek pembinaan. Sistem ini bukan sekadar dapat membantu pemilik projek atau pemaju untuk mengenalpasti atau melantik kontraktor yang berkeupayaan dan berkemampuan malah sistem ini juga boleh menjadi asas kepada kontraktor untuk menilai kelemahan syarikat dan seterusnya berusaha untuk memperbaiki kelemahan tersebut agar menjadi kontraktor yang lebih maju dan berjaya.

Antara program terpenting termasuklah, pendaftaran kontraktor, pembangunan modul latihan kontraktor and menilai prestasi kontraktor menggunakan SCORE. SCORE adalah satu sistem penilaian untuk menilai prestasi pengurusan, teknikal dan kewangan kontraktor.

1.0 Pendaftaran Kontraktor

CIDB menguatkuasakan pendaftaran kontraktor pembinaan mengikut Akta 520. Sepanjang tahun 2013, bilangan tertinggi kontraktor yang telah didaftarkan oleh CIDB adalah sebanyak 66,991 syarikat. Butiran pendaftaran adalah seperti Carta 1

Apabila Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor dikuatkuasakan pada bulan Oktober 2012, CIDB telah diberi tanggungjawab untuk mengambilalih prosidur pendaftaran kontraktor yang dilaksanakan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Kontraktor yang berdaftar dengan PKK adalah sebahagian daripada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB yang dibenarkan menyertai perolehan kerajaan. CIDB telah mengeluarkan sijil berasingan yang dikenali sebagai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) kepada kontraktor tersebut. Bilangan tertinggi kontraktor yang telah diberi SPKK oleh CIDB sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak 44,872 syarikat.

Langkah kerajaan menyerahkan tanggungjawab pendaftaran kontraktor kepada CIDB adalah untuk menambahbaik sistem penyampaian kerajaan. Selain dari itu, pengambilalihan tugas tersebut juga akan dapat memperkasakan kontraktor tempatan

One of the major functions CIDB is to ensure the development of a sustainable construction industry driven by efficient, productive and profitable construction companies. To meet this end, CIDB has embarked on continuous contractor development programs, which has been initiated since CIDB started operating in 1996. The same program will continue to be the backbone of CIDB activities, allocated the necessary resources to ensure the presence of a group of contractors with the right capacity and capability to contribute towards making Malaysia a developed nation by 2020.

CIDB contractor development program starts with contractor registration. Contractor registered with CIDB will be infused and molded with ethical business values, technical and managerial capacity and capability and the relevant general knowledge. To evaluate the effectiveness of development programs, CIDB also has designed a system to assess the capacity and capability of a contractor in carrying out construction projects. This system is not just for helping project owners or developers to appoint suitable contractors but can also be used by a contractor to assess its company's weakness and consequently strive to improve to become more successful and competitive.

Among the most important programs include contractors' registration, the development of training modules for contractors and assessing contractor's performance using SCORE. SCORE is an assessment system to evaluate the technical, financial and managerial performance of a contractor.

1.0 Contractor Registration

CIDB enforces contractor registration based on CIDB Act 520. During the year 2013, the highest number of contractor registered with CIDB was 66,991 contractors. Details of registration is as in Chart 1.

When One Registration of Contractors System (1RoC) was enforced in October 2012, CIDB was given additional responsibility to take over contractor registration procedure implemented by the then Contractor Services Centre (PKK). Contractors that are registered with PKK are also contractors registered with CIDB that are allowed to participate in government procurement tenders. CIDB had issued separate certificate known as Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) to these contractors. The number of contractors issued with SPKK reached 44,872 in 2013.

The Government's move in consolidating the registration of contractors under CIDB is to improve the Government's delivery system. The move is also to further strengthen capacity and capability of local contractors especially those executing

amnya dan kontraktor perolehan kerajaan khasnya dari segi keupayaan dan kemampuan dan seterusnya dapat mempersiapkan mereka menghadapi saingan globalisasi.

2.0 Latihan Kontraktor

Kontraktor perlu menjalani serta lulus ujian kursus yang ditetapkan bagi mendapatkan pengkhususan tertentu di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor. Untuk tujuan ini, CIDB hanya memperaku latihan yang dilaksanakan oleh Pusat Latihan dan Pengajar yang ditauliahkan oleh CIDB. Ketetapan ini merupakan peruntukan yang ditetapkan oleh Akta 520. Pentauliahkan Pusat Latihan dan Pengajar hanya akan diberi sekiranya mereka telah memenuhi syarat pengalaman dan kelayakan akademi yang ditetapkan.

Pada tahun 2013, CIDB telah berjaya mentauliahkan seramai 210 pengajar bertauliah. Satu pencapaian melangkaui sasaran yang ditetapkan iaitu seramai 200 orang. Kesan dari pencapaian sasaran tersebut, CIDB juga telah berjaya mencapai sasaran untuk melatih seramai 6,030 kontraktor dalam pelbagai bidang tred dan skop pembinaan. Sasaran yang ditetapkan kepada CIDB adalah untuk melatih seramai 3000 kontraktor bagi tahun 2013.

3.0 Sistem Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE)

Sepanjang tahun 2013, CIDB telah berjaya membuat penilaian SCORE kepada 2282 kontraktor, melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 1200 kontraktor. Faktor yang menyumbang kepada kejayaan ini adalah;

- a. Keperluan sijil SCORE sebagai syarat wajib untuk menyertai tender Jabatan Kerja Raya bagi projek bernilai RM 10 juta dan ke atas.
- b. Keperluan pencapaian SCORE 2 bintang sebagai syarat wajib bagi permohonan baru SPKK untuk gred G2, G3 dan G4.
- c. Keperluan pencapaian SCORE 3 bintang sebagai syarat wajib bagi permohonan baru SPKK untuk gred G5, G6 dan G7.
- d. Keperluan pencapaian SCORE 3 bintang sebagai syarat wajib bagi permohonan baru Sijil Taraf Bumiputera oleh PKK untuk gred G2 hingga G7.

Program SCORE menilai keupayaan dan kemampuan kontraktor berdasarkan kepada 7 skop penilaian berikut:

- a. Prestasi Perniagaan
- b. Keupayaan Kewangan
- c. Keupayaan teknikal
- d. Pengurusan Projek
- e. Pengurusan Perolehan
- f. Amalan Terbaik
- g. Keupayaan Pengurusan

Setiap skop penilaian di atas membawa markah tersendiri yang menggambarkan kekuatan atau kelemahan sesebuah syarikat kontraktor walau pun mereka mencapai bintang SCORE yang sama. Pemilik projek atau pemaju boleh melantik kontraktor berdasarkan kepada pencapaian bintang SCORE serta membandingkan markah bagi setiap skop penilaian mengikut keperluan dan keutamaan sesebuah projek. Kaedah pemilihan kontraktor berdasarkan kepada penilaian SCORE boleh mengurangkan risiko ketidaksempurnaan sesebuah projek kepada pemaju atau pemilik projek.

Dari penilaian yang telah dilaksanakan, hampir 90% kontraktor berjaya memperolehi 2 dan 3 bintang. 92% kontraktor yang

Government procurements and prepare them for the challenges of globalization.

2.0 Contractor Training

Contractor need to go through a fixed course and pass its assessment in order to obtain certain specialisation in the Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK). For this purpose, CIDB only recognizes trainings implemented by Training Centre and Trainers authorized by CIDB. This is a requirement of CIDB Act 520. The Training Centre and Trainers are only commissioned upon meeting the necessary qualification and experience.

In the year 2013, CIDB succeeded in commissioning as many as 210 accredited instructors. This exceeded the target of 200 trainers. Upon this success, CIDB managed to train 6,030 contractors in various trades and construction scope, also exceeding the target of training 3000 contractors.

3.0 Contractor Capacity and Capability Assessment System

During the year 2013, CIDB succeeded in assessing 2282 contractors using SCORE exceeding the target of 1200 contractors. Factors contributing to the success of this large number of contractors to be assessed include;

- a. A SCORE certificate as a prerequisite for participating in Public Works Department tender for project worth RM 10 million and more.
- b. A 2-STARS SCORE achievement as a prerequisite for a new SPKK application for grade G2, G3 and G4 contractors.
- c. A 3-STARS SCORE achievement as a prerequisite for a new SPKK application for grade G5, G6 and G7 contractors.
- d. A 3-STARS SCORE achievement as prerequisite for a new application for Bumiputera Status Certificate by PKK for grade G2 to G7.

SCORE evaluates the capacity and capability of contractors based on the following 7 scopes:


- a. Business Performance
- b. Financial capability
- c. Technical capability
- d. Project Management
- e. Procurement Management
- f. Best Practice
- g. Management Capability

Each of the above scope brings unique result portraying the strength or weakness of a contractor even though they achieve the same STAR rating. Project owners or developers could appoint contractors based on their SCORE achievement and compare total or individual scores based on the project's needs. Contractor selection based on SCORE assessment can reduce the risks of uncompleted or poor project performances.

From the assessment carried out, almost 90% of the contractors secured 2 and 3 stars. 92% of the contractors that

menerima 4 bintang berada dalam gred G7. Keputusan juga menunjukkan, kebanyakan kontraktor yang menerima skor bertaraf 1 bintang terdiri daripada kontraktor-kontraktor gred G1, G2 dan G3. Gred kontraktor yang paling banyak dinilai ialah gred G2 sebanyak 771 dan G7 sebanyak 654. Keputusan SCORE 2013 adalah seperti di Carta 1:

received 4 stars are in grade G7. Results also showed that most of the contractors that obtain scores of 1 star are mainly grade G1, G2 and G3 contractors. The grades of contractors most assessed are G2 with 771 and G7 with 654. The 2013 SCORE results are as in Chart 1



Carta 1 : Keputusan SCORE 2013/Chart 1: SCORE 2013 results

4.0 Latihan Pengurusan

Latihan Pengurusan membimbing kontraktor kepada pengurusan bisnes yang berdaya maju. Di samping itu pengurusan kontraktor juga didedahkan kepada beberapa latihan teknikal yang bersesuaian yang dapat membantu dalam menjayakan sesuatu projek pembinaan. Untuk tahun 2013, seramai 6,030 kontraktor telah menghadiri kursus pengurusan sepanjang tahun. Kursus ini dilaksanakan oleh Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor (PLBK) yang ditauliahkan oleh CIDB. Sehingga 31 Disember 2013, CIDB telah mentauliahkan sebanyak 73 PLBK.

Di antara kursus-kursus yang dianjurkan pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

1. Modul Pengurusan Bisnes
2. Modul Kerja Bangunan-Pengubahsuaian
3. Modul Kerja Sistem Penyamanan Udara & Pengedaran Udara
4. Modul Kerja Sistem Bekalan Air
5. Modul Kerja Pembaikan Konkrit
6. Modul Kerja Bangunan-Perumahan
7. Modul Kerja Cerucuk

Selain itu juga, CIDB menjalin kerjasama dengan agensi kerajaan lain dalam menyediakan latihan kepada kontraktor berdasarkan keperluan dan kriteria setiap agensi.

5.0 Pembangunan Modul Latihan Kontraktor

CIDB sentiasa peka dengan perkembangan dan kemajuan teknologi semasa dalam industri pembinaan. Bagi menyahut matlamat Model Ekonomi Baru iaitu ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, CIDB perlu melipat gandakan usaha untuk mewujudkan kontraktor Malaysia yang berkualiti yang dapat menjana pendapatan yang tinggi. Kontraktor Malaysia perlu diberi latihan dan pendedahan kepada maklumat dan teknologi terkini industri pembinaan. Dalam perkara ini CIDB bersama-sama pihak yang terlibat dalam industri pembinaan telah menyediakan modul latihan kepada kontraktor bagi mempertingkatkan ilmu pengurusan dan teknik

4.0 Management Training

Management Training guides contractors for an efficient contracting business management. At the same time contractor management teams are also exposed to a number of relevant technical trainings that could assist the contractors in successfully completing the projects. For 2013, 6,030 contractors had attended the management courses. These courses are conducted by Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor (PLBK) that are authorized by CIDB. Until end of 2013, CIDB has commissioned a total of 73 PLBK.

Courses organised in 2013 are as follows:

1. Business Management module
2. Renovation Building Work module
3. Air Conditioning & Distribution System Work module
4. Water Supply System Work module
5. Concrete Repair Work module
6. Housing Building Work module
7. Piling Work module

Apart from the above, CIDB works in partnership with other government agencies in providing training to contractors based on the need and criteria of the agencies.

5.0 Development of Contractor Training Modules

CIDB is always sensitive to the development and progress of current technology in the construction industry. To respond to the objectives of the New Economic Model, which is to achieve a high-income economy by 2020, CIDB needs to double its effort to create quality Malaysian contractors capable of generating high incomes from their work. Malaysian contractors need to be updated and exposed to the information and latest technology in the industry. In this regard, CIDB together with the parties involved in the construction industry has developed training modules for the contractors to increase their management knowledge and enhance construction techniques of local contractors so that

pembinaan kontraktor tempatan agar mutu kerja mereka dapat memenuhi kehendak pengguna.

Pada tahun 2013 CIDB dengan persetujuan Pusat Latihan Telekom Malaysia telah menerimapi lima (5) modul latihan Pusat tersebut untuk dijadikan sebagai syarat wajib untuk mendapatkan pengkhususan berkaitan telekomunikasi dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor. Modul-modul tersebut adalah;

1. Pencantuman Kabel 1
2. Sistem Telekomunikasi Dalaman Fibre
3. Sistem Telekomunikasi Luaran Fibre
4. Sistem Telekomunikasi Dalaman Kuprum
5. Sistem Telekomunikasi Luaran Kuprum

Pertambahan modul-modul di atas telah menjadikan jumlah keseluruhan modul yang dibangunkan oleh CIDB berdasarkan National Competency Standard (NCS) adalah sebanyak 54 modul.

6.0 Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor
Matlamat penganjuran Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor ialah untuk memberi kesedaran dan peringatan mengenai kepentingan integriti dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan serta kesan yang akan berlaku atas ketidakakuran kehendak kod etika. Program ini mendapat kerjasama dari Intitut Integriti Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

CIDB mensasarkan 4000 kontraktor menghadiri Kursus Integriti dan Kod Etika Kontraktor tetapi kursus tersebut telah dihadiri oleh seramai 6386 kontraktor di sepanjang tahun 2013. Hingga kini sejumlah 40,979 kontraktor telah menghadiri kursus ini.

Sebagai langkah penambahbaikan, sesi penilaian bagi peserta akan dimulakan pada tahun 2014.

7.0 Kontraktor Ubahsuai
CIDB juga membangun dan mempromosi kerja-kerja ubahsuai terutamanya di kalangan kontraktor gred rendah. Matlamat untuk membangun kontraktor dalam bidang ini adalah:

- a. Membuka peluang kerja yang lebih luas kepada kontraktor gred rendah
- b. Mengalih fokus pencarian kerja pembinaan daripada kerajaan kepada swasta/persendirian.
- c. Menyekat penglibatan pekerja asing yang bertindak sebagai kontraktor ubahsuai.
- d. Mengurangkan masalah yang ditimbulkan oleh pekerja asing seperti pekerja asing tanpa permit, jenayah dan sebagainya.
- e. Menyekat aliran tunai keluar Negara.

Bagi menjayakan hasrat ini, CIDB telah mewujudkan modul latihan dan pengkhususan B28 untuk kerja ubahsuai. CIDB juga telah mendapatkan kerjasama daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menguatkuasakan perantikan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dibawah pengkhususan B28 (kerja ubahsuai) melalui Surat Penyeragaman Borang Permit Pembinaan Kecil, Perubahan dan Tambahan Kecil kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan.

Kontraktor yang berdaftar dibawah pengkhususan B28 bagi tahun 2013 adalah sebanyak 3,646 syarikat.

work quality can meet the clients' needs.

In 2013, CIDB has agreed with Pusat Latihan Telekom Malaysia to adopt five (5) of the Centre's training module to be made as a prerequisite to obtain the related telecommunication specialization in the Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK). The modules are;

1. Cable Jointing 1
2. Internal Fibre Telecommunication System
3. External Fibre Telecommunication System
4. Internal Copper Telecommunication System
5. External Copper Telecommunication System

With these addition, the total number of modules developed by CIDB based on the National Competency Standard (NCS) is 54.

6.0 Contractor Integrity and Code of Ethics Training
The objective of the Integrity and Code of Ethics course is to create awareness and the importance of integrity in implementing construction works and the possible effects of non-conformance to the code of ethics. This program is boosted by the continuous cooperation from the Malaysia Institute of Integrity and the Malaysian Anti-Corruption Commission

CIDB aims for 4000 contractors to attend the Integrity and Code of Ethics course. As it turned out, the course was attended by more than 6381 contractors, giving a grand total of 40,979 contractors who have attended this course.

In an effort to enhance the course, an evaluation session for the participants will be initiated in 2014.

7.0 Renovation Contractors
CIDB is also developing and promoting renovation works especially among the lower grade contractors. Objectives of the exercises are:

- a. Provide wider business opportunity for the lower grade contractors.
- b. Moving focus from government jobs to private works.
- c. Restricting foreign worker involvement as contractors in renovation works.
- d. Reducing problems normally associated with foreign worker such as illegal workers, crime etc.
- e. Reducing outflow of funds.

To achieve this aim, CIDB has created a training module and B28 registration specialization for renovation works. CIDB also obtained the much needed cooperation from Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan and Kerajaan Tempatan (KPKT) to enforce the appointment of renovation contractors who are registered with CIDB under B28 specialization, through the issuance of the Surat Penyeragaman Borang Permit Pembinaan Kecil, Perubahan and Kecil Tambahan to all the Local Authorities.

To date, a total of 3,646 contractors have been registered under B28 specialization.

BIDANG KEUTAMAAN 4 -

Bidang Keutamaan 4 – Peningkatan Pembinaan Mampan

PRIORITY AREA 4 -

Enhancing Sustainable Construction

Pembinaan mampan merupakan cita-cita dan harapan kebanyakan negara di dunia. Dalam keresahan menghadapi akibat perubahan cuaca, penghasilan gas karbon dioksida serta amalan-amalan yang tidak mampan, industri pembinaan berada di kedudukan yang amat baik untuk menyumbang kepada usaha-usaha meningkatkan pembangunan mampan menerusi amalan-amalan pembinaan yang dapat menghasilkan jaminan kualiti yang baik, pengurangan penggunaan tenaga dan air, pengurangan pembaziran dan sisa buangan serta pemuliharaan alam sekitar. CIDB telah lama sedar perkara ini dan telah mengambil beberapa langkah positif untuk menjamin kesinambungan usaha-usaha untuk membantu pengurangan pengeluaran karbon dioksida dan pembangunan mampan keseluruhannya

Antara program terpenting termasuklah, kajian semula Industri pembinaan, penggalakkan program mesra alam, program kualiti, program untuk meningkatkan keselamatan & kesihatan dalam pembinaan dan pembangunan Piawai Malaysia untuk industri pembinaan. Termasuk dalam bidang ini ialah pewujudan dan pengedaran persekitaran bisnes yang lestari.

1.0 Kajian Semula Industri Pembinaan

Rancangan Jangka Panjang Industri Pembinaan (CIMP) 2006 – 2015 akan tamat pada tahun 2015. Sebagai kesinambungan kepada CIMP, CIDB dan pihak industri telah sepakat untuk menilai semula pencapaian CIMP dan mengkaji semula aspek-aspek pembangunan, pemantauan dan penguatkuasaan yang memerlukan peningkatan untuk memastikan hasrat untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 tercapai. Malaysia juga akan melaksanakan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) mulai 2016 dan aspek kemampan akan menjadi salah satu teras utama rancangan tersebut. Industri pembinaan perlu bergerak sehalu dengan aspirasi negara dan menggabungkan keperluan sustainability, 'climate change', pengurangan bahan buangan dan karbon dioksida serta pemeliharaan alam sekitar.

Kajian Industri Pembinaan kini berada di peringkat mendapatkan kelulusan perolehan perkhidmatan perunding dari pihak-pihak berkuasa yang berkaitan. Kajian dijangka dapat dimulakan dan disiapkan pada tahun 2014.

2.0 Amalan Mesra Alam

Bagi menggalakkan amalan mesra alam, beberapa program telah dirangka. Antara yang penting termasuklah pembangunan Sistem Penilaian Bangunan Hijau Kebangsaan, pembangunan *Sustainable Consumption and Production* dan Program *Sustainable Infrastructure Framework*.

2.1 Penilaian Bangunan Hijau Kebangsaan

Sistem Penilaian Bangunan Hijau Kebangsaan yang merupakan gabungan di antara sistem penilaian yang

Sustainable construction is the aspiration and aims of most countries in the world. In the face of mounting challenges of climatic change, carbon dioxide emission and unsustainable practices, the construction industry is at an opportune position to contribute to efforts at enhancing sustainable development through construction practices that can reduce water and energy consumption, minimizing wastes and conserving the environment. CIDB has long been aware of the issue and has taken a number of positive steps to ensure continuous reduction in carbon emission and promoting sustainable practices in construction.

Among the most important programs include a review of the Construction Industry, programs for enhancing environmental friendly practices, quality in construction programs, programs to improve the health & safety aspects of construction and development of Malaysian Standards for the construction industry. Included in this priority area is the creation and maintaining of a sustainable business environment.

1.0 Construction Industry Review

Construction Industry Master Plan (2006 – 2015) will expire in 2015. To ensure continuous industry development, CIDB and the industry have unanimously agreed to evaluate CIMP achievement and review the development, monitoring and enforcement aspects requiring further enhancement to achieve the desired aspirations of a high-income economy by 2020. Malaysia will also be implementing the eleven Malaysian Development Plan (RMK11) beginning from 2016 and sustainability will be one of the main agenda of the plan. Construction industry need to progress in line with the nation's aspiration and incorporate sustainability need of climate change, waste and carbon dioxide reduction and environmental preservation.

The Construction Industry Review is awaiting approval for the procurement of the consulting services from the relevant authorities. It is expected that the study can begin and be completed in 2014.

2.0 Environmental Friendly Practices

To encourage environmentally friendly practices, several programs have been drafted and among the more important ones are the developments of the National Green Building Assessment System, development of Sustainable Consumption and Production and Program for Sustainable Infrastructure Framework.

2.1 National Green Building Assessment System

The National Green Building Assessment System is a

dibangunkan oleh CIDB iaitu *Green Performance Assessment System in Construction (GreenPASS)* dan Penarafan Hijau JKR (pH JKR) yang dibangunkan oleh JKR. Sistem baru ini telah siap dibangunkan pada Disember 2013. Sistem ini merupakan sebuah sistem pengukur yang bertujuan untuk mengira dan menentukan kesan pembinaan bangunan terhadap alam sekitar dalam bentuk pembebasan gas karbon. Ianya turut mengambilkira semua aspek kitaran hidup dengan mengintegrasikan aspek sosio ekonomi dan urbanisasi.

Fasa penilaian sistem ini merangkumi kesemua aspek kitaran hidup bangunan iaitu daripada peringkat perancangan (*inception*) sehinggalah peringkat perobohan (*demolition*). Namun untuk pembangunan fasa pertama ini, penilaian akan tertumpu kepada peringkat Rekabentuk, Pembinaan, Operasi dan Selenggara di mana kategori bangunan yang boleh dinilai adalah bangunan yang sedang dalam pembinaan dan juga bangunan yang telah siap diduduki.

2.2 Sustainable Infrastructure Framework

CIDB sedang dalam proses untuk membangun 'National Framework for Sustainable Infrastructure'. Rangkakerja ini bertujuan untuk menilai tahap kemampuan projek infrastruktur yang akan dibina di Malaysia. Program ini merupakan kerjasama di antara CIDB, Unit Perancang Ekonomi dan juga Akademi Sains Malaysia. Pembangunan rangkakerja ini dapat digunakan dalam merancang projek-projek infrastruktur di dalam Rancangan Malaysia ke Sebelas. Rangkakerja ini akan menggunakan juga input daripada seminar, bengkel dan persidangan seperti ICW, Ecobuild SEA 2013 dan Sustainable Infrastructure for the 11th Malaysia Plan yang dicadangkan akan diadakan pada tahun 2014. Rangkakerja kebangsaan ini dijangka dapat disiapkan pada tahun 2014.

2.3 Sustainable Consumption and Production (SCP)

SCP ialah suatu konsep jalan mudah yang mensasarkan untuk mencapai hasil yang lebih banyak dengan penggunaan sumber yang minima. Di masa yang sama, turut dicapai ialah pengurangan pencemaran di sepanjang kitaran hayat produk dan perkhidmatan, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan untuk semua. CIDB ialah salah satu agensi paling penting dan aktif dalam memberi input untuk SCP Framework yang mana pada masa ini dikendalikan oleh EPU, Jabatan Perdana Menteri.

2.4 Pameran Ecobuild SEA 2013

Ecobuild merupakan platform terbesar di rantau ini untuk mengemaskini penggiat industri dengan isu dan penyelesaian bagi kemampuan alam bina. Ecobuild SEA 2013 telah dianjurkan sebagai sebahagian daripada ICW 2013. Sebanyak 119 buah syarikat dari 16 buah Negara telah menyertai pameran ini. Sejumlah 5,509 pengunjung telah menghadiri Ecobuild SEA 2013 dan anggaran potensi bisnes yang dijana ialah sebanyak RM10,547,976.00.

merger of the Green Performance Assessment System in Construction (GreenPASS) developed by CIDB and Penarafan Hijau JKR (pH JKR) that was developed by JKR. The development of the merged system was completed in December. This new system is a measurement system designed to compute and establish the effects of building construction on the environment from the aspects of carbon emission. It also takes into account all life cycle aspects by integrating socio economy and urbanisation

The evaluation phase of the system incorporates all building life cycle phases from planning stage (inception) until demolition stage. However for the first phase of the development, assessment will be focused on the design, construction, operation and maintenance phase of the project. The category of buildings that can be assessed will include all building under construction and completed occupied buildings.

2.2 Sustainable Infrastructure Framework

CIDB is in the process of developing a 'National Framework for Sustainable Infrastructure'. This framework aims to assess sustainability of an infrastructure project that will be constructed in Malaysia. This program is joint effort between CIDB, the Economic Planning Unit and Akademi Sains Malaysia. The framework will be used in planning infrastructure projects in Malaysia for the 11th Malaysia Plan. Input into the framework will also be obtained from seminars, workshops and conferences like the ICW, Ecobuild SEA 2013 and Sustainable Infrastructure for the 11th Malaysian Plan seminar that is proposed will be held in 2014. The national framework is expected can be completed in 2014.

2.3 Sustainable Consumption and Production (SCP)

SCP is a cross-cutting concept which aims to do more with less by reducing resource use, degradation and pollution along goods and services life cycle, in enhancing the quality of life and well-being for all. CIDB is one of the most important and active agency in giving input for the SCP Framework which is currently handled by the EPU, Prime Minister Office.

2.4 Ecobuild SEA 2013 Exhibition

Ecobuild is the biggest event in this region to update industry practitioners on the latest issue and solutions to the sustainability of the built environment. Ecobuild SEA 2013 was held as part of ICW 2013. A total of 119 companies from 16 countries took part in the exhibition. A record 5,509 visitors attended the Ecobuild SEA 2013 and a potential RM10,547,976 business was generated.

3.0 Kualiti dalam Pembinaan

Program untuk mencapai kualiti dalam pembinaan telah dimulakan sejak awal penubuhan CIDB pada tahun 1996. Latihan personel, pendaftaran dan pembangunan kontraktor, perkenalan sistem kualiti antarabangsa ISO, pembangunan standard dan melaksanakan usaha-usaha penyelidikan adalah antara program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan. Untuk tahun 2013, penekanan lebih telah diberi kepada penilaian QCLASSIC dan pembangunan standard.

3.1 Penilaian QCLASSIC

QCLASSIC atau *Quality Assessment System In Construction* adalah satu sistem pengukuran atau penilaian mutu kerja suatu projek pembinaan. QCLASSIC Score pula adalah markah hasil dari penilaian ke atas satu-satu projek pembinaan. Penilaian dan kaedah pemarkahan adalah mengikut keperluan standard yang telah ditetapkan dalam Standard Industri Pembinaan CIS 7:2006.

Pencapaian projek dinilai dengan QCLASSIC membanggakan apabila 202 projek berjaya dinilai. Ini merupakan 45% pencapaian lebih baik dari tahun lepas dimana hanya 139 projek dapat dinilai. Dari 202 projek yang dinilai keputusan untuk 160 projek telah dimuktamadkan dan Qclassic Score adalah seperti di Carta 1;

3.0 Quality in Construction


The program to achieve quality in construction has similarly been initiated since CIDB was established in 1996. Personnel training, registration and development of contractor, the adoption of International Quality System (ISO), standard development and implementation of research efforts are among the programs which have been planned and implemented. For 2013, greater emphasis has been given to QCLASSIC assessment and standard development.

3.1 QCLASSIC Assessment

QCLASSIC or *Quality Assessment System In Construction* is an assessment system for measuring the work quality of a construction project according to standards set by the Construction Industry Standards CIS 7:2006. QCLASSIC Score, on the other hand is the percentage score of the assessment, the method of which is also derived from the CIS 7:2006.

Program to evaluate projects using QCLASSIC succeeded in getting 2002 projects to be evaluated. This is a 45% improvement compared to last year when only 139 projects could be assessed. From the 202 projects evaluated, the finalized results of 160 assessed projects are as shown in Chart 1;

Carta1 : Peratus purata skor QCLASSIC 2013/ Chart 1: Average QCLASSIC 2013 score percentage



Purata QCLASSIC Score untuk 2013 ialah 72, 0.6% lebih tinggi daripada purata skor tahun 2012, 71.4. Hampir 67% projek yang dinilai berada dalam kategori Landed property. Ini diikuti dengan kategori bangunan awam (24%) dan perumahan berstrata (9%).

Average QCLASSIC score for 2013 is 72, 0.6% better than the average for 2012 at 71.4. Almost 67% of projects evaluated fall into the landed property category. The rest are public building (24%) and stratified housing (9%)

3.2 Pembangunan Standards

Tahun 2013 mensasarkan pembangunan dua standard. Standard-standard ini adalah seperti berikut;

- *Code of Practice for demolition of Buildings*, dan
- *Temporary construction site worker's amenities*

Pembangunan sesuatu piawaian Malaysia mengambil masa yang lama dan memerlukan sumber tenaga yang banyak serta kepakaran yang berkaitan. Setakat ini sejumlah 43 Piawaian Malaysia telah dapat disiapkan. Di masa yang sama CIDB dan industri juga telah berjaya membangunkan sebanyak 19 Construction Industry Standards (CIS) dimana sebahagian besarnya merangkumi penyediaan manual untuk keselamatan dan kesihatan dan kawalan kualiti bagi beberapa bahan dan kaedah pembinaan

4.0 Keselamatan & Kesihatan Pembinaan

Seperti program kualiti, program keselamatan & kesihatan pembinaan merupakan antara program terpenting CIDB. Kadar kemalangan dan kematian dalam industri pembinaan masih di peringkat yang membimbangkan dan lebih banyak usaha diperlukan untuk mewujudkan satu industri yang sihat, selamat dan berjaya untuk menarik minat lebih banyak pekerja tempatan. Antara program kesihatan & keselamatan yang telah diusahakan termasuklah pembangunan standard, penilaian SHASSIC, latihan-latihan untuk personel dan pengurusan serta pemeriksaan dan penguatkuasaan. Terbaru, CIDB telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa pakar bertujuan menasihati industri langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan amalan-amalan kesihatan & keselamatan di tempat kerja.

4.1 Penilaian SHASSIC

Tahap keselamatan & kesihatan industri pembinaan dijangka dapat ditingkatkan melalui peningkatan penilaian *Safety & Health Assessment System in Construction* (SHASSIC).

Untuk tahun 2013 ini, penilaian keselamatan & kesihatan projek menerusi SHASSIC membanggakan apabila 88 projek berjaya dinilai. Ini merupakan peningkatan besar dibandingkan tahun 2012 dimana hanya 15 projek berjaya dinilai. Hasil penilaian SHASSICS adalah seperti di Carta 2;

3.2 Standards Development

Year 2013 targeted the development of two standards which are as follows;

1. *Code of Practice for demolition of Buildings*, and
2. *Temporary construction site worker's amenities*

Developing a Malaysian standard is a lengthy process and requires a huge amount of resources and the required expertise. So far a total of 43 Malaysian Standard have been completed. At the same time, CIDB and the industry had also developed a total of 19 Construction Industry Standards related to the preparation of safety and health manuals and quality control for a number of construction products and materials.

4.0 Safety & Health in Construction


Similar to the quality in construction program, safety & health is accorded similar importance by CIDB. Death and accident rate in construction is still alarmingly high and more effort is needed to create an industry that is safe, healthy and capable of attracting the interest of domestic workers to gain employment in the industry. Among the safety & health programs undertaken include, standard development, SHASSIC assessment, trainings for personnel and management as well as inspection and enforcement. Latest, CIDB has set up several Expert Committees and Panels aimed at advising the industry on credible steps to be taken to enhance safe & healthy practices at the workplace.

4.1 SHASSIC Evaluation

The level of safety & health in the construction industry can be enhanced through the widespread use of the *Safety & Health Assessment System in Construction*.

For 2013, the number of projects assessed through SHASSIC improved radically when 88 projects were successfully assessed. This is a quantum leap compared to 2012 where only 15 projects went through the procedure. The results of SHASSICS assessment are as shown in Chart 2.

Carta 2 : Statistik Skor SHASSIC 2013/ Chart 2 : Statistics on SHASSIC 2013 Scores



Hampir 56% projects memperolehi 4 dan 5 bintang menjadikan pencapaian tahun 2013 melebihi 3 bintang. Ini lebih baik dari tahun 2012 di mana purata skor ialah 3 bintang.

Almost 56% projects scored 4 and 5 stars, giving an average score exceeding 3 stars. This is a significant improvement over 2012 where the average score was only 3 stars.

4.2 Jawatankuasa Pakar

Beberapa Jawatankuasa telah ditubuhkan bersama industri untuk mengkaji, menilai dan seterusnya mencadangkan pembaikan dalam amalan-amalan keselamatan dan kesihatan. Antara hasil yang telah dicapai termasuklah beberapa cadangan amalan baik pembinaan ekoran beberapa kemalangan di tapak bina. Juga dalam perbincangan ialah cadangan untuk menubuhkan satu agensi khusus untuk menangani keselamatan cerun. Antara Jawatankuasa ini termasuklah;

1. Jawatankuasa Pakar untuk mengkaji kegagalan tanjakan susur kedua di Jambatan Kedua Pulau Pinang. Jawatankuasa ini juga akan mencadangkan pembaikan amalan kejuruteraan dan pembinaan
2. ESCOSS – 'Expert Standing Committee on Slope Safety'. Jawatankuasa ini akan mencadangkan penubuhan agensi pusat untuk mengurus dan meningkatkan keselamatan cerun
3. CIBPAC – *Construction Industry Best Practice Advisory Committee*. Jawatankuasa ini menilai amalan baik yang perlu ditingkatkan di tapak-tapak pembinaan di seluruh negara

Keahlian kesemua Jawatankuasa-jawatankuasa ini terdiri kebanyakannya daripada penggiat dan pakar-pakar industri.

5.0 Lain-lain program kelestarian Persekitaran Bisnes

Mewujud serta mengekalkan persekitaran perniagaan yang baik adalah penting dalam memastikan kelestarian industri pembinaan itu sendiri. Industri yang mampan lebih berupaya menyumbang dengan berkesan kepada pembangunan mampan keseluruhannya.

5.1 Penubuhan Mahkamah Pembinaan

Usaha menubuhkan Mahkamah Pembinaan juga telah membuah hasil apabila Mahkamah Pembinaan Kuala Lumpur dan Mahkamah Pembinaan Shah Alam ditubuhkan. Usaha ini menjadikan Malaysia negara kedua di dunia selepas United Kingdom yang berjaya menubuhkan Mahkamah Pembinaan. Mahkamah yang dikhususkan untuk mengendalikan pertikaian dalam industri pembinaan dapat diwujudkan selepas CIDB membuat pencadangan kepada badan Kehakiman pada Januari 2013. Dengan tertubuhnya Mahkamah Pembinaan ini, lengkaplah gandingan tiga mekanisme penyelesaian pertikaian industri pembinaan. Dua mekanisme yang lain ialah adjudikasi melalui Akta Bayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan (CIPAA) dan timbang tara. Kini penggiat industri pembinaan mempunyai pilihan luas untuk menyelesaikan apa juga bentuk pertikaian yang dihadapi.

Untuk memastikan pelaksanaan penyelesaian pertikaian melalui Mahkamah Pembinaan yang berkesan, CIDB telah menubuhkan satu Unit untuk mengesan dan menganalisis kes-kes yang dibawa ke Mahkamah untuk mengenalpasti punca umum pertikaian di dalam industri.

Hingga akhir 2013, Mahkamah Pembinaan Kuala Lumpur telah mendengar dan menentukan 103 kes, manakala Mahkamah Shah Alam telah menentukan 23 kes.

4.2 Expert Committees and Panels

A number of expert committees have been established together with industry to study, evaluate and consequently recommend good practices in construction safety & health. Among the achievements, include a number of recommendation for enhancing site safety & health practices following a number of accidents at sites and a recommendation to establish a central agency for monitoring and managing the safety of slopes in the country. Among the committees set up include;

1. Expert Committee to study the second ramp failure at the Second Penang Bridge. This committee will eventually propose best practices for engineering design and construction.
2. ESCOSS - 'Expert Standing Committee on Slope Safety'. This committee will propose the setting up of a central agency to monitor and manage safety of slopes in the country
3. CIBPAC - Construction Industry Best Practices Advisory Committee. This committee evaluates and recommends good practices that need to be applied at construction sites nationwide

Membership all these Committees comprise of industry stakeholders and experts.

5.0 Other sustainable business environment programs

Creating and sustaining sound business environment is crucial in ensuring the sustainability of the construction industry itself. An industry that is sustainable is more likely to contribute effectively to the overall sustainable development.

5.1 Establishment of Construction Courts

The program to establish Construction Courts in Malaysia finally bore fruits when Construction Court Kuala Lumpur and Construction Court Shah Alam were set up. This makes Malaysia the second country in the world having construction courts after the United Kingdom. These specially designed courts dealing with construction disputes came into being after CIDB made a proposal to the Judiciary back in January 2013. The establishment of the Construction Courts completes the trinity mechanism for dispute resolution in construction industry. The other two mechanisms are the adjudication exercise through the Construction Industry Payment and Adjudication Act (CIPAA) and arbitration. Now the construction industry practitioners have a wider choice of methods to resolve whatever dispute that are being faced.

For an effective implementation of dispute resolution through the Construction Courts, CIDB has established a Unit to track and analyse cases brought to the construction courts to establish common causes of disputes within the industry.

Until end of 2013, the Kuala Lumpur Construction Court has heard and decided on 103 cases, while the Shah Alam Construction Court has decided on 23 cases.

5.2 Analisa Permintaan Pembinaan

Dalam memberikan khidmat nasihat yang berguna dan boleh diterima pakai, mengenai unjuran nilai kerja pembinaan, unjuran permintaan bahan binaan utama dan unjuran permintaan pekerja binaan, adalah perlu satu model unjuran yang munasabah dibangunkan. Unjuran yang dihasilkan akan membolehkan pihak pengeluar dan industri merancang pengeluaran bahan binaan dan menguruskan keperluan pekerja binaan bagi tujuan pelaksanaan projek yang lebih efisien. Tiga model unjuran permintaan pembinaan bagi kerja-kerja bangunan yang telah disiapkan adalah seperti berikut;

- Model Unjuran Permintaan Kerja-kerja Pembinaan
- Model Unjuran Permintaan Bahan Binaan bagi 8 jenis bahan binaan utama
- Model Unjuran Permintaan Pekerja Binaan bagi 7 kategori pekerja binaan

Ketiga-tiga model unjuran tersebut adalah berdasarkan kajian konstan ke atas 64 daripada 102 produk pembinaan kerja bangunan. Model unjuran tersebut akan terus diperkukuhkan dengan kajian berterusan ke atas konstan produk-produk pembinaan kerja bangunan dan kejuruteraan awam yang lain.

5.3 Penggunaan MyCESMM

Malaysia Civil Engineering Standard Method of Measurement (MyCESMM) telah dilancarkan pada tahun 2011. Penggunaan MyCESMM dalam penyediaan Senarai Kuantiti terus digalakkan di mana skim latihan MyCESMM telah dibangunkan dan latihan kepada pengguna MyCESMM diadakan secara berterusan. Antara projek-projek kejuruteraan awam yang telah menggunakan MyCESMM ialah;

- Loji Rawatan Kumbahan Serantau di Kajang 2, Selangor
- Rangkaian Paip Pembentungan di Kawasan Petaling Jaya Utara, Selangor

Adalah dijangkakan lebih banyak projek-projek kejuruteraan awam yang akan menggunakan MyCESMM dengan termeterainya perjanjian-perjanjian kerjasama pada masa akan datang.

5.4 Daftar dan Statistik Projek

Dalam memenuhi fungsi menyebarkan data dan statistik berkaitan industri pembinaan, CIDB meneruskan usaha penghasilan penerbitan yang berkenaan. Untuk tahun 2013, CIDB telah mengeluarkan 17 penerbitan meliputi penerbitan bulanan, suku tahunan dan tahunan. Penerbitan tersebut adalah:

1. Penerbitan bulanan Daftar Projek Pembinaan (12 penerbitan)
2. Penerbitan Buletin Statistik Pembinaan Suku Tahunan (4 penerbitan)
3. Penerbitan Tinjauan Ekonomi Pembinaan (1 penerbitan)

Penerbitan ini dihasilkan berdasarkan maklumat projek pembinaan yang direkodkan di pangkalan data bersepadu CIDB yang mengandungi maklumat asas projek pembinaan yang diawad di pasaran domestik, kontraktor berdaftar dan penglibatan kontraktor Malaysia di luar Negara. Penerbitan ini hanya boleh dicapai di laman sesawang CIDB; <http://www.cidb.gov.my>.

5.2 Analysis of Construction Demands

In providing advisory services that are both useful and can be accepted, the value of construction work demand projection, major building material demand projection and construction worker demand projection, a projection model that is credible need to be developed. The forecasts will enable manufacturer and industry to efficiently plan the production of building materials and manage construction worker more effectively for successful project implementation. Three construction demand projection models for building works have been completed and they are as follows;

- Construction work demand projection model
- Construction Material demand projection model for 8 types of primary materials.
- Construction workers demand projection model for 7 categories of construction personnel.

All the three projection models are based on Constant Study of 64 out of 102 materials for building works. The projection model will continue to be enhanced with continuous study on Material Constants for building and civil engineering works.

5.3 MyCESMM application

Malaysia Civil Engineering Standard Method of Measurement (MyCESMM) was launched in year 2011. MyCESMM usage in the preparation of Bills of Quantity continued to be encouraged where MyCESMM training scheme was finalized and trainings to MyCESMM users were held continuously. Among the civil engineering projects that had used MyCESMM are;

- Loji Rawatan Kumbahan Serantau di Kajang 2, Selangor
- Rangkaian Paip Pembentungan di Kawasan Petaling Jaya Utara, Selangor

It is expected that more civil engineering projects will adopt MyCESMM once collaborative agreements are sealed with potential users .

5.4 Project Register and Statistics

In meeting the function of disseminating data and statistics related to the construction industry, CIDB continues the production of the related data and information. For 2013, CIDB has issued 17 publications covering monthly, quarterly and annual reports. These publications are:

1. Monthly publication on Construction Project Registry (12 publications)
2. Publication on Construction Quarterly Statistical Bulletin (4 publications)
3. Construction Economic Review (1 publication)

The above publications are based on construction project information recorded in CIDB's integrated data base which contains basic information on construction projects awarded in the domestic market, registered contractors and involvement of Malaysian contractors overseas. These publications are only accessible through the CIDB website; <http://www.cidb.gov.my>.

BIDANG KEUTAMAAN 5 -

Penguatkuasaan Akta CIDB (Pindaan 2011)

PRIORITY AREA 5 -

Enforcement of Act 520 CIDB (Amendment 2011)

Pindaan Akta 520 yang telah diluluskan di Parlimen pada tahun 2011 bakal dikuatkuasakan dalam masa terdekat. Pindaan ini meletakkan kualiti pembinaan sebagai tanggungjawab kontraktor. Di samping itu pindaan juga memastikan penggunaan personel pembinaan yang kompeten dan berkelayakan. Di masa yang sama, pindaan juga memberi kuasa kepada CIDB untuk memastikan piawaian bahan binaan dipatuhi. Ini penting sebagai salah satu usaha untuk menghasilkan output yang selamat dan berkualiti.

Memandangkan penguatkuasaan Akta CIDB menjurus kepada pencapaian visi yang lebih besar, untuk menjadikan industri pembinaan Malaysia antara yang terunggul di dunia, adalah penting aspek-aspek pematuhan dari segala kualiti, piawaian, keselamatan dan kesihatan, pemuliharaan alam sekitar, penggunaan tenaga kerja terlatih dan penglibatan syarikat pembinaan berkelayakan dan berkebolehan diusahakan sebaik mungkin.

Antara program terpenting termasuklah, memastikan sejumlah RM135 juta levi dikenakan dan dikutip, mendaftarkan pekerja dan mengeluarkan Kad Hijau mengakreditasi pekerja mahir dan melakukan lawatan tapak bagi tujuan pemeriksaan dan penguatkuasaan.

1.0 Pengenaan dan Pengutipan Levi

Akta CIDB memberi kuasa kepada CIDB untuk mengena dan mengutip levi bagi setiap kontrak kerja bernilai lebih daripada RM500,000, pada kadar 0.125% daripada harga kontrak. Wang pungutan levi inilah yang digunakan untuk menjalankan operasi CIDB yang kebanyakannya tertumpu kepada pembangunan industri. Bagi tahun 2013, CIDB berjaya menjana pendapatan dari hasil pengenaan levi ke atas 8,888 kontrak kerja pembinaan berjumlah RM167.92 juta. Berbanding tahun 2012, hasil pengenaan levi meningkat sebanyak RM17.46 juta (11%). Bilangan projek yang dikenakan levi pada tahun 2012 ialah 7,565, peningkatan sebanyak 1,323 projek.

Tahun 2013 juga mencatatkan pengurangan amaun levi tertunggak sebanyak RM20.04 juta daripada 538 kes tertunggak. Ini merupakan 35% daripada keseluruhan amaun levi tertunggak yang terkumpul sebanyak RM56.59 juta (1,646 kes).

Kejayaan tahun 2013 terhasil dari penubuhan pasukan petugas dalam melaksanakan penguatkuasaan dan pengesanan projek-projek semasa dan terdahulu bagi mengurangkan ketirisan pengenaan levi. Pasukan petugas mengesan dan mengenal pasti projek-projek pembinaan kerajaan dan swasta melalui sumber data One Stop Centre Pihak Berkuasa Tempatan, Sistem Pelaksanaan Projek II, tender JKR, maklumat daripada agensi-agensi meliputi Telekom, TNB, PLUS, Petronas, SYABAS, IWK dan maklumat projek daripada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB.

CIDB Act 520 (Revised 2011) was passed in Parliament in 2011 and will be enforced in the near future. This amendment places the construction quality as a contractor's responsibility. In addition, the amendment also ensures the deployment of competent and qualified personnel at the construction sites. At the same time, the amended Act empowers CIDB to ensure that relevant standards of construction materials are adhered to. This is important to guarantee a safe and quality output.

Enforcement of CIDB Act aims to achieve a wider objective of creating a vibrant industry with excellent performance, benchmarked to the best in the world. Of importance is to ensure industry compliance to aspects of quality, standards, safety & health, environmental conservation, use of trained personnel and the engagement of qualified and capable construction companies.

Among the most important programs include, ensuring a total of RM135 million levy is imposed and collected, registration of construction personnel and issuance of the Green Card for them, accreditation of skilled workers and conducting construction site visits for the purpose of inspection and enforcement.

1.0 Imposition and Collection of Levies

CIDB Act empowers CIDB to impose and collect levy from every construction contract with a value of more than RM500,000, at a rate of 0.125% of the contract value. The money collected is used to carry out CIDB operation and function, which is mainly to develop the industry. In 2013, CIDB successfully collected RM167.92 million levy from a total of 8,888 contracts. This is an increase of RM17.46 million from the amount collected in 2012. The number of contracts in 2012 was 7,565.

Year 2013 also registered a reduction in outstanding levy of RM20.04 million from 538 backlog cases. This represents 35% of the accumulated outstanding levy of RM56.59 millions (1,646 cases).

2013's success in levy collection is attributed mainly to the establishment of a special task force in enforcing and detecting current as well as earlier projects in an attempt to prevent losses in levy collection. The task force traces and identifies projects from multiple sources including One Stop Centre of The Local Authorities, Sistem Pelaksanaan Projek II, JKR tenders, information from Telekom, TNB, Petronas, SYABAS, IWK and project information from contractors registered with CIDB.

Bagi mengurangkan ketirisan kutipan levi dan mengurangkan levi tertunggak, CIDB akan terus meningkatkan kecekapan pengurusan kutipan levi melalui tindakan dan penguatkuasaan yang lebih ketat, meliputi pendaftaran kontraktor, menyenarai hitam pengarah syarikat dan tindakan tatatertib serta menyekat dan menggantung pendaftaran kontraktor.

To mitigate losses in levy collection and reduce outstanding levy, CIDB will improve the efficiency of levy collection management through stricter action and enforcement in the areas of contractor registration, blacklisting directors of the companies, initiating disciplinary actions as well as blocking and suspending the registration of contractors.

2.0 Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Pekerja

Akta CIDB menuntut setiap pekerja yang ingin melaksanakan kerja-kerja di tapak bina perlu berdaftar dengan CIDB sebagai pekerja sah dan layak memiliki kad pengenalan pekerja – Kad Hijau. Setiap pekerja yang berdaftar akan diberi perlindungan berkelompok insurans Takaful dan diwajibkan menghadiri kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan amalan baik keselamatan di tapak kerja. Tahun ini CIDB berjaya mencatat sejumlah 193,283 pendaftaran baru. Bilangan pekerja yang memperbaharui pendaftaran pula ialah seramai 205,977. Pendaftaran pekerja melibatkan majikan yang memerlukan pekerja yang juga bergantung kepada permintaan perkhidmatan pembinaan di negara ini. Usaha CIDB menggalakkan personel binaan memperbaharui pendaftaran masing-masing harus dipuji dan diteruskan.

2.0 Registration & Renewal of Registered Workers

CIDB Act demands that every employee intending to perform any work at a construction site must be registered with CIDB and holds a valid worker registration card – the Green Card. Every holder of a Green Card is entitled to a Takaful group insurance protection and must have sat through a compulsory safety and health induction training. This year CIDB successfully registered 193,283 new registrations. The number of workers who renewed their registration totaled 205,977. Employee registration needs the involvement of employers requiring the workforce, which also reflects the labour demands of the industry. Efforts by CIDB to encourage construction personnel to renew their registration should be praised and acknowledged.

Dengan bilangan pendaftaran di atas, bilangan personel binaan aktif yang berdaftar dengan CIDB hingga akhir tahun 2013 ialah 660,224, di mana 85% daripadanya (560,496) adalah personel tempatan. Kategori Pekerja Am merupakan kategori pendaftaran yang paling banyak dengan bilangan 246,217 (37%). Carta 1 adalah statistik pendaftaran mengikut kategori.

With the above registration, active personnel who are registered with CIDB stands at 660,224 of which 85% of them are locals. General worker continues to be the highest category of personnel registered with 246,217 (37% of all personnel). Chart 1 shows the registration statistics according to category.

Carta 1 : Pendaftaran Personel Binaan Mengikut Kategori/ Chart 1 : Registration of Construction Personnel by Category




3.0 Akreditasi Pekerja Mahir

Proses akreditasi menguji dan mengesahkan kemahiran seseorang pekerja. Proses ini dijalankan dalam tiga kaedah iaitu latihan dan penilaian, penilaian sahaja dan pengiktirafan berdasarkan tahap pendidikan dan pengalaman. Peserta-peserta yang berjaya akan dianugerahkan Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK). Untuk tahun 2013, terdapat 91 bidang kemahiran yang boleh diberikan akreditasi. Antara bidang kemahiran yang diminati pekerja mahir termasuklah Scaffolding Erection, Plumbing, Building Operation & Maintenance, Painting, Building Wiring dan Welding. Proses mengkreditasi pekerja mahir telah dimulakan lebih 10 tahun dahulu. Memandangkan peluang luas yang ditawarkan kepada pekerja mahir dan berikutan usaha gigih CIDB, pekerja tempatan mula mengambil inisiatif untuk mendapat pengiktirafan kemahiran mereka sejak tahun 2006. Bilangan 42,952 yang diakreditasi pada tahun 2013 merupakan pencapaian terbaik CIDB. Peluang terbuka luas untuk pekerja binaan meraih keuntungan kewangan daripada kemahiran yang dicapai. Carta 2 menunjukkan bilangan pekerja tempatan dan asing yang diakreditasi sejak 2002.

3.0 Worker Accreditation

An accreditation process tests and validates the skill of an employee. This process is carried out in three ways namely training and assessment, assessment only and recognition based on the levels of education and experience. Successful employee will be awarded with a Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK). Up to 2013, there are 91 skill areas that an employee may be accredited in. Among the favoured skill areas include Scaffolding Erection, Plumbing, Building Operation & Maintenance, Painting, Building Wiring and Welding. The accreditation process has been carried out more than 10 years ago. Since 2006, there has been a significant increase in the number of local employees seeking recognition. This is due largely to better opportunities given to skilled workers and CIDB's determined effort to get the locals to be accredited. The 42,952 accredited in 2013 is CIDB best achievement. Wider opportunity to gain substantial financial gains awaits an accredited skilled construction worker. Chart 2 shows the number of local and foreign workers who are accredited since 2002.

Carta 2 : Bilangan pekerja di Akreditasi sejak 2002/Chart 2 : Number of Construction Personnel Accredited since 2002



4.0 Pendaftaran dan Akreditasi Kontraktor

Akta CIDB 520 juga mengkehendaki semua kontraktor yang melaksanakan projek pembinaan, berdaftar dengan CIDB dalam bidang dan gred yang bersesuaian dengan kebolehan dan kepakaran masing-masing. Mulai 15 Oktober 2012, kerajaan telah meluluskan penggunaan Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK) sebagai sistem tunggal untuk pendaftaran kontraktor di negara ini. SSPK memberi impak yang besar kepada CIDB dari segi peranan serta tanggungjawab kerana selain memproses Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) CIDB juga perlu mengeluarkan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) kepada kontraktor yang ingin menyertai perolehan Kerajaan. Ini merupakan tugas baru serta tanggungjawab tambahan bagi CIDB. Selain daripada itu, pihak CIDB juga menjadi tempat rujukan kepada pengeluar tender atau pihak klien khususnya bagi projek-projek Kerajaan dalam memberi khidmat nasihat berhubung prestasi kontraktor dan lain-lain perkara berkaitan.


Di bawah SSPK, CIDB telah mendaftarkan sebanyak 67,033 kontraktor dengan gred seperti di carta 3. Dari jumlah ini 41,111 kontraktor layak menyertai tender perolehan kerajaan apabila diawadkan dengan SPKK.

4.0 Registration and Accreditation of Contractors

CIDB Act 520 also requires all contractors participating in construction project to be registered with CIDB in the area and grade that are suitable with their experience and expertise. From 15 October 2012, the government has introduced a single contractor registration system, Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK). SSPK has a big impact on the role and responsibility of CIDB which is now required to not just processing the Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) but also to issue the Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) to contractors who wish to bid for government procurement. These are new assignments and additional duty for CIDB. Apart from that, CIDB is a referral centre for agencies issuing tenders and clients seeking advice on status and performance of contractors participating in tenders and related matters.

Under SSPK, CIDB has registered a total of 67,033 contractors with the grades as shown in Chart 3. From this number, 41,111 contractors qualified to participate in government procurement tender, having been awarded with a SPKK.

Carta 3 : Pendaftaran kontraktor mengikut gred/ Chart 3 : Contractor registration by grade



5.0 Pengeluaran Certificate of Approval (COA) bagi bahan-bahan impot

Pelaksanaan pematuhan Malaysia Standard (MS) ke atas pengimpotan produk atau bahan binaan dirujuk kepada Jadual Keempat Perintah Kastam (Larangan Mengenai Impot) 1998 Pindaan 2012 melalui pengeluaran Sijil Kelulusan atau 'Certificate of Approval' (CoA) oleh CIDB. Ini bermaksud semua bahan/produk binaan impot yang tersenarai dalam Jadual Keempat Perintah Kastam diwajibkan memperolehi CoA. Bahan/produk binaan yang dimaksudkan adalah seperti berikut :-

- i. Dikilangkan di negara asal dan dibawa masuk untuk kegunaan di dalam negara;
- ii. Dikilangkan oleh pengilang tempatan kemudian diekspot dan diimpot semula ke dalam negara; dan
- iii. Bahan diimpot untuk dikilangkan oleh pengilang tempatan dan produk yang dihasilkan diekspot ke luar negara.

Pada tahun 2013, sebanyak 4,219 CoA telah dikeluarkan ke atas produk atau bahan binaan dan lebih daripada 80% permohonan dapat diproses dan diluluskan dalam tempoh kurang daripada 3 hari. Ini mencerminkan kecekapan proses pengeluaran CoA oleh CIDB dalam memastikan produk atau bahan binaan yang diimpot diperakukan kualiti melalui pematuhan piawaian yang ditetapkan. Justeru itu, hanya produk atau bahan binaan yang mempunyai CoA sahaja akan dilepaskan di pintu masuk Kastam untuk diguna pakai dalam industri pembinaan. Antara produk atau bahan binaan yang disenaraikan dalam Jadual Keempat Perintah Kastam yang memerlukan CoA adalah ceramic product, iron & steel, cement, glass, insulation material, aluminium dan fibre cement.

Dalam memastikan bahan/produk tempatan juga mematuhi standard yang telah ditentukan, CIDB akan menguatkuasakan penggunaan produk atau bahan binaan dalam Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan 2011) yang dikeluarkan oleh kilang tempatan. Seperti bahan impot juga, bahan-bahan ini perlu mendapat pemerakuan daripada CIDB terlebih dahulu sebelum boleh digunakan. Pemerakuan ini dilaksanakan bertujuan menjamin kualiti produk atau bahan binaan yang digunakan di tapak bina. Proses pemerakuan produk atau bahan binaan berkaitan adalah melalui sistem Certification of Local Products and Materials (CCPM). Oleh itu, setiap produk atau bahan binaan yang telah mendapat pemerakuan melalui CCPM akan diberikan Perakuan Pematuhan Standard (PPS).

5.0 Issuance of COA for imported products

Compliance to the relevant Malaysian Standards for imported construction products referred to the items in Jadual Keempat Perintah Kastam (Larangan Mengenai Impot) 1998 Pindaan 2012, and enforced through the issuance of 'Certificate of Approval' (CoA) by CIDB. This means all imported material / products as listed in Jadual Keempat Perintah Kastam will require CoA from CIDB. The CoA will be required for the following types of imported material / products;

- i. Manufactured in source countries and brought in for use in the country;
- ii. Manufactured by local manufacturer, exported and then imported again into the country; and
- iii. Imported materials used by local manufacturer and the manufactured products exported overseas.

In year 2013, CoAs were issued on a total of 4,219 products or building material and more than 80% of the applications have been processed and approved in less than 3-day period. This reflects CIDB efficiency in the processing of CoA and in ensuring that imported products or building materials are quality certified through the Malaysian Standards compliance. Only materials and products with CoAs are cleared at the Custom entry points to be used in the construction industry. Among products or building materials listed in Jadual Keempat Perintah Kastam which require CoA include ceramic products, iron & steel, cement, glass, insulation material, aluminum and cement fibre.

In ensuring that local materials/products also comply with the relevant Malaysian Standards, CIDB will enforce the same Jadual Keempat Akta 520 (Pindaan 2011) for products that are produced by the local manufacturers. Similar to the imported materials/products, the local materials/products will require certification by CIDB before they can be used. The certification is necessary to maintain the high degree of quality for local construction materials/products. The certification process is enforced through the issuance of Certification System for Local Products and Materials (CCPM). Every product or building material that is certified through CCPM will be issued with a Perakuan Pematuhan Standard (PPS).

Lawatan Pemeriksaan dan Penguatkuasaan/ Inspection and Enforcement Visit

- Penguatkuasaan telah mengeluarkan 4,477 notis maklumat dan kesalahan / 4,477 notices involving offence and required additional information issued
- 141 Laporan tatatertib /141 Disciplinary Reports
- 6 kontraktor di gantung pendaftaran / 6 contractors suspended
- 4 kontraktor ditarik balik pendaftaran dan 2 kontraktor akan didakwa / 4 contractors had their registration revoked and 2 contractors will be prosecuted

6.0 Lawatan Pemeriksaan dan Penguatkuasaan

Operasi-operasi penguatkuasaan yang dijalankan sepanjang tahun 2013 melibatkan beberapa kaedah utama iaitu Operasi Penguatkuasaan Rutin, Operasi Penguatkuasaan Bersama dan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu. Operasi Penguatkuasaan Bersepadu turut melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain terutamanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (JKKP), Jabatan Kesihatan dan sebagainya. Sebanyak 15 Operasi Penguatkuasaan Bersepadu telah berjaya dianjurkan dalam tahun 2013 dengan mendapat kerjasama yang baik dari agensi-agensi berkenaan. Tindakan terhadap ketidakpatuhan Akta 520 pula melibatkan tindakan tatatertib terhadap pendaftaran kontraktor berdasarkan Peraturan Pendaftaran Kontraktor (Industri Pembinaan) 1995 dan penyediaan Kertas Siasatan (IP) bagi tujuan pendakwaan di mahkamah berdasarkan Akta 520. Operasi-operasi penguatkuasaan yang dijalankan telah memberikan tumpuan kepada 3 skop penguatkuasaan utama iaitu pendaftaran kontraktor, pembayaran levi dan pendaftaran personel binaan.

Bagi tahun 2013, sejumlah 3,391 tapak bina, 4,793 kontraktor dan 90,984 personel binaan telah berjaya diperiksa. Sejumlah 4,477 notis yang melibatkan kesalahan dan keperluan maklumat tambahan telah dikeluarkan di tapak bina. Sebanyak 141 Laporan Tatatertib Kontraktor telah disediakan dan sejumlah 74 kontraktor telah dibawa ke Prosiding Tatatertib atas pelbagai kesalahan. 6 kontraktor telah digantung pendaftaran, 4 kontraktor ditarik balik pendaftaran, 2 kontraktor telah dipanjangkan kepada kes pendakwaan dan selebihnya telah dikenakan amaran. Sebanyak 85 Kertas Siasatan (IP) juga telah dibuka dan sejumlah 19 kontraktor telah dihadapkan ke mahkamah sepanjang tahun 2013.

6.0 Inspection and enforcement visit

Three major types of Enforcement operations carried out during 2013 were Routine Enforcement, Joint Enforcement and Integrated Enforcement Operation. Integrated Enforcement involves other enforcement agencies such as Local Authorities, Immigration Department, Department of Occupational Safety & Health and Department of Health. A total of 15 Integrated Enforcement operations were successfully conducted in 2013, with close cooperation from the other agencies. Action taken following non-compliance to the Act 520 include disciplinary actions on contractors' registration as provided for under Contractor Registration Regulation (Construction Industry) 1995 and preparation of Investigation Paper also based on the same Act. Enforcement operations carried out are focused on 3 scopes namely contractor registration, levy payment and construction personnel registration.

In 2013, a total of 3,391 work sites, 4,793 contractors and 90,984 construction personnel had been successfully inspected. A total of 4,477 notices, which involve offence and additional information requirement were also issued. 141 Contractor Disciplinary Reports were also prepared and 74 contractors have been brought to Disciplinary Proceeding for various offences. As a result, the registration of 6 contractors were suspended, 4 contractors had their registration revoked, 2 contractors will be prosecuted and the rest given warnings. 85 Investigation Papers were prepared and a total of 19 contractors have been brought to court during the year 2013.

BIDANG KEUTAMAAN 6 -

Mempromosikan Industri Pembinaan

PRIORITY AREA 6 -

Promoting Construction Industry

Mempromosi industri pembinaan, mempamerkan imej industri bersih, cekap dan efisien di persada tempatan dan global memberi impak besar dalam menjamin kelestarian industri itu sendiri. Platform utama dalam menghebahkan keupayaan industri pembinaan memenuhi keperluan pelanggan dibuat melalui acara tahunan Minggu Pembinaan Antarabangsa – *International Construction Week* (ICW). Di samping itu, CIDB juga menerajui usaha-usaha penggiat industri tempatan menimba peluang di luar negara dan usaha ini yang telah dimulakan sejak hujung tahun 90-an lagi telah membuah hasil yang membanggakan apabila sejumlah 702 projek di luar negara dengan nilai RM110.87 billion telah disiapkan atau dalam proses pembinaan oleh 113 kontraktor Malaysia. Juga, untuk julung kalinya, CIDB telah mengambil langkah penting untuk memahami persepsi penggiat industri ke atas perkhidmatan dan produk-produk yang disediakan oleh CIDB, melalui audit persepsi penggiat industri pembinaan mengenai CIDB.

Antara program terpenting termasuklah, memastikan tidak kurang daripada 12,000 pengunjung ke ICW 2012, menjalankan enam projek CSR dan menyediakan empat laporan Kajian Pasaran Luar Negara.

1.0 ICW 2013

ICW 2013 telah diadakan pada 26 hingga 28 Mac 2013 dan dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng. Selain daripada *5th Malaysian Construction Summit*, Seminar dan Pameran Ecobuild, ICW 2013 juga turut menganjur Persidangan, Pameran dan Mesyuarat Majlis REAAA yang ke 14. Penceramah dan pengunjung tidak kurang dari 22 negara hadir di ICW 2013 ini.

ICW 2013 berjaya menarik sejumlah 15,900 pengunjung. Jumlah ini melebihi sasaran asal seramai 12,000. ICW 2013 mempunyai format yang berbeza dari tahun-tahun lepas di mana penekanan yang lebih diberikan kepada perkongsian pengalaman dan maklumat di bidang-bidang penting buat masa kini seperti teknologi hijau, sustainability dan mekanisasi dalam industri pembinaan.

Kemuncak ICW, ialah Malam Gala *Malaysian Construction Industry Excellent Award* (MCIEA) 2012 yang telah disempurnakan oleh YBhg. Ketua Setiausaha Negara. Awad ini dianugerah kepada syarikat dan individu yang telah mempamer dan menyumbang kepada prestasi cemerlang industri pembinaan negara. Untuk tahun ini sebanyak tiga belas kategori awad yang merangkumi Anugerah Kontraktor, Anugerah Projek, Anugerah Pencapaian Antarabangsa, Anugerah Individu dan Anugerah Khas Inovasi telah disampaikan.

Promoting the construction industry, demonstrating an industry, which is respectable, efficient and effective at the local and global market place, will be impactful in ensuring the sustainability of the industry itself. The main platform used to showcase the industry's capability and capacity in meeting customer's need is through the International Construction Week (ICW), now in its twelfth year. At the same time, CIDB is also leading the efforts to capture overseas construction businesses for the local industry players. This structured effort that has been initiated as early as the late 1990s, has produced excellent results when more than 702 projects worth more than RM110.87 were secured by 113 Malaysian contractors. Also, for the first time in its history, CIDB is taking the bold step to establish the stakeholders' perception on CIDB's products and services through a Stakeholders Perception Study.

Among the most important programs include, ensuring not less than 12,000 visitors to ICW 2012, conducting six CSR projects and publishing four Overseas market Opportunities reports.

1.0 ICW 2013

ICW 2013 was held from 26th to 28th March and officiated by the YB Deputy Minister of Works, Dato' Yong Khoon Seng. Apart from the 5th Malaysian Construction Summit, Ecobuild Seminar and Exhibition, ICW 2013 also hosted the 14th REAAA Conference, Exhibition and Council Meeting. Participants and speakers were drawn from no less than 22 countries.

This significant event drew almost 15,900 visitors, exceeding the earlier target of 12,000. The 2013 ICW format has been slightly enhanced to give greater emphasise on experience and information sharing in the highly regarded areas of green technology, sustainability and mechanization in the construction industry.

ICW finale was the grand Gala Dinner for the Malaysian Construction Industry Excellent Award (MCIEA) 2012 that was graced by the presence of YBhg. Chief Secretary to the Government who also officiated the event. MCIEA awards are annually given to companies and individuals who have demonstrated and contributed to excellent performance in nation building. This year, a total of thirteen awards were presented in the categories of Contractor Award, Project Award, International Achievement Award, Individual Award and Special Innovation Award.

2.0 Tanggungjawab Sosial

CIDB telah memulakan enam inisiatif CSR untuk meningkatkan imej organisasi serta penggiat industri. Inisiatif melibatkan tiga bidang iaitu tadbir urus, pembangunan talent akan datang dan projek komuniti.

Sila rujuk mukasurat 20 untuk laporan penuh.

3.0 Perhubungan Awam

Kejayaan usaha-usaha perhubungan awam diukur dari nilai PR yang diperolehi ekoran pendedahan aktiviti CIDB di media-media utama. Untuk tahun 2013, sejumlah 1188 artikel mengenai CIDB muncul di lima media cetak, satu siaran TV dan satu siaran radio. Ini memberikan nilai PR sebanyak RM24.315 juta, melebihi sasaran asal RM10 juta.

4.0 Audit Persepsi Penggiat Industri

Audit persepsi penggiat industri ini merupakan usaha pertama CIDB untuk mengetahui sejauh mana kejayaan usaha-usaha CIDB dalam memenuhi keperluan pelanggan. Keputusan yang diperolehi adalah berbagai-bagai dan memberangsangkan. Keputusan Audit ini akan dijadikan baseline dan juga asas kepada pembangunan Audit Persepsi seterusnya.

5.0 Mesyuarat Lembaga dan Laporan Tahunan

Lembaga CIDB bersidang sebanyak enam kali pada tahun 2013 dengan purata kehadiran ahli-ahli 80%. Sebanyak 13 kertas kerja telah dibenteng dan diluluskan.

Sementara itu penyediaan Laporan Tahunan 2012 berjalan seperti dirancang dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

6.0 Bisnes Antarabangsa

Globalisasi telah mewujudkan pelbagai peluang serta cabaran kepada syarikat pembinaan tempatan. Di samping usaha meningkatkan penceburan syarikat pembinaan tempatan di arena global, pelbagai usaha lain telah dan sedang dilaksanakan untuk memastikan syarikat pembinaan tempatan mampu membina daya saing untuk menempuh pelbagai cabaran di peringkat domestik dan Global.

2.0 Corporate Social Responsibility

CIDB has embarked on six CSR initiatives to enhance the image of the organisation as well as industry players. The initiatives fall under three different areas of governance, development of future talents and community projects.

Please refer to page 20 for fully report.

3.0 Public Relation

Public relation success is often measured by the PR value achieved following the exposure of CIDB activities in major medias. In 2013, a total of 1188 articles on CIDB appeared in five print media, one TV show and one radio show. This gives a PR value total of RM24.315 million, exceeding the original target RM10 million.

4.0 Industry Stakeholders Perception Audit

This industry stakeholders perception audit, is CIDB's first effort in establishing the success of CIDB in meeting customer requirement. It had produced mixed but encouraging results which will be used as a baseline measure and a basis for subsequent and more comprehensive audit.

5.0 Board Meeting and Annual Report

The CIDB Board sat a total of six times in the year 2013 with members' attendance averaging about 80%. A total of 13 working paper were presented, deliberated and approved.

Meanwhile the preparation of the Annual Report for 2012 went as planned and was completed within the time frame given.

6.0 International Business

Globalisation has created various opportunities and challenges to local construction companies. Beside efforts to increase local construction company involvement in the global arena, various other efforts have and will continue to be implemented to ensure local construction companies build competitiveness to surmount various challenges at the domestic and global level.

Kejayaan syarikat pembinaan Malaysia di luar Negara/ Malaysian construction company's success abroad

- 702 bilangan projek/ 702 number of projects
- RM110.9 juta nilai projek/
RM110.9 billion value of project
- 53 buah Negara/ 53 countries
- 113 syarikat/ 113 companies

Hasil program peningkatan bisnes global terbukti berjaya apabila hingga tahun ini, 702 projek telah diperolehi dengan nilai projek berjumlah RM110.87 billion. Lebih 90% projek dengan nilai RM72.6 billion telah disiapkan dan bakinya sedang di peringkat pembinaan.

The output from global business enhancement programs proves successful when a total of 702 projects with project value amounting to RM110.87 billion were secured up to 2013. More than 90% of the projects with value RM72.6 billion have been completed and the rest are still under construction.

Program utama penggalakkan bisnes antarabangsa ialah memasarkan industri pembinaan negara dalam cara yang tertumpu di peringkat global. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan termasuklah;

The main programme to encourage international business is to market the country's construction industry in a focused manner at the global level. Among efforts that has been executed including;

6.1 Kerjasama antarabangsa dan Liberalisasi Perdagangan

CIDB merupakan antara agensi utama yang mewakili kerajaan dan sektor pembinaan negara dalam pelbagai rundingan globalisasi yang melibatkan kerjasama antarabangsa di peringkat dua hala, pelbagai hala dan serantau serta liberalisasi perdagangan. Antara aktiviti-aktiviti yang disertai melibatkan mesyuarat/rundingan kerjasama antarabangsa dan liberalisasi perdagangan dengan negara-negara China, India, Japan, Myanmar, Indonesia, Vietnam dan Republik Afrika Selatan

6.1 International Collaboration and Trade Liberalisation

CIDB is the main agency representing the government and the construction sector in various globalisation and regional negotiation involving bilateral and multi-lateral international cooperation, regional and trade liberalisation. Among activities participated include, meeting / negotiation on international cooperation and trade liberalisation with China, India, Myanmar, Japan, Indonesia, Vietnam and the Republic of South Africa.

6.2 Kerjasama dua hala dalam pelaksanaan projek luar Negara

CIDB bertindak sebagai pemangkin kepada kontraktor-kontraktor tempatan dalam usaha memperolehi projek-projek luar negara secara rundingan terus dengan menggunakan pendekatan kerjasama antara Kerajaan dengan Kerajaan (G2G). Pendekatan ini biasanya bermula dengan pemeteraian Perjanjian Persefahaman (MOU) di antara kedua-dua negara. Sehingga akhir 2013, CIDB telah memudahcara penyertaan syarikat-syarikat pembinaan Malaysia untuk lapan (8) MOU yang telah dan akan ditandatangani oleh Malaysia dengan negara asing. Negara-negara ini termasuklah India, Bangladesh, Djibouti, Myanmar, Guinea, Tatarstan dan Qatar. Antara projek-projek yang dimudahcara termasuklah;

6.2 Bilateral Cooperation in overseas project Implementation

CIDB facilitates the local contractors in securing overseas projects through direct negotiation made possible by Government-to-Government (G2G) cooperation. This approach usually starts with the signing of a Memorandum of Understanding between the two countries. Till the end of 2013, CIDB has facilitated Malaysian construction companies participation through the signing of eight MOUs with foreign countries. These countries include India, Bangladesh, Djibouti, Myanmar, Guinea, Tatarstan and Qatar. Among the projects that have been facilitated include;

1. Pemberian Perkhidmatan bantuan Teknikal untuk pembangunan dan pengurusan Jalanraya di India.
2. Kerjasama dalam bidang infrastruktur di Republik Rakyat Bangladesh.
3. Kerjasama dalam bidang Infrastruktur, Minyak dan Gas di Republik Djibouti
4. Membangunkan mekanisma pelaksanaan projek-projek yang bermanfaat bagi kedua-dua kerajaan dan menjalin hubungan kerjasama jangka panjang antara Malaysia dan Myanmar
5. Pelaksanaan projek melalui pendekatan G2G dengan Guinea.
6. Projek Pembangunan Bercampur di Rayyan, Doha, Qatar

1. Provision of technical service assistance for development and management of highways in India.
2. Cooperation in the area of Infrastructure in People Republic of Bangladesh.
3. Cooperation in the areas of Infrastructure, Oil and Gas in Republic of Djibouti.
4. Developing mechanism for mutually beneficial project implementation and establishing long-term relationship between Malaysia and Myanmar
5. Project implementation through G2G approach with Guinea.
6. Mixed-development project in Rayyan, Doha, Qatar

6.3 Misi Fokus pembinaan

Pada tahun ditinjau, CIDB juga telah memperhebatkan misi meneroka pelbagai peluang yang wujud di negara sasaran serta membuka jalan kepada kontraktor-kontraktor Malaysia. CIDB telah menganjur dan mengetuai setiap misi untuk menerokai peluang-peluang di negara sasaran seperti Myanmar, India, Indonesia, Sri Lanka, Afrika Selatan.

6.3 Construction focused missions

For the year in consideration, CIDB also has intensified overseas missions to explore various opportunities that exist in the target countries and paving the way for Malaysian contractors. CIDB organized and led every mission to explore opportunities in target countries like Myanmar, India, Indonesia, Sri Lanka, South Africa.

6.4 Laporan Bisnes Negara

Laporan Bisnes Negara yang disediakan merangkumi laporan berkenaan dengan sosio-ekonomi serta panduan menjalankan bisnes di negara berkenaan. Antara Laporan Bisnes Negara yang telah disediakan adalah seperti berikut;

Doing Business in Guinea
Doing Business in India
Doing Business in Indonesia
Doing Business in Myanmar
Doing Business in Nigeria

Setakat ini CIDB telah menyediakan 20 Laporan 'Doing Business' bagi negara-negara yang telah disasarkan.

Di samping program-program di atas, CIDB juga telah menyertai beberapa seminar, forum dan mesyuarat peluang perniagaan projek antarabangsa, menghadiri pameran dan forum luar Negara, menerima kunjungan hormat delegasi luar negara dan menyebarkan maklumat peluang projek dan tender luar negara. Tahun ini CIDB telah menyebarkan tidak kurang daripada 71 notis panggilan tender projek luar negara.

6.4 Country Business Reports

The Country Business Reports produced contain the socio-economic performance of a country and has a guideline on carrying out business in that country. Among Business Reports produced include;

Doing Business in Guinea
 Doing Business in India
 Doing Business in Indonesia
 Doing Business in Myanmar
 Doing Business in Nigeria

So far CIDB has prepared 20 'Doing Business' reports for countries that have been targeted.

Apart from the above programs, CIDB also had participated in several seminars, forum and meetings discussing project opportunities overseas; attending overseas exhibitions and forums, receiving courtesy calls from foreign delegation and disseminated overseas project information and tenders. This year CIDB has publicised not less than 71 notices calling for tenders in overseas projects.

AKTIVITI SOKONGAN SUPPORTING ACTIVITIES

Aktiviti sokongan menyokong pencapaian program-program untuk enam Bidang Keutamaan. Kebanyakan aktiviti ini melibatkan perkhidmatan Pengurusan Maklumat, Kewangan, Akaun dan Pentadbiran, Undang-Undang dan Audit Dalam. Prestasi aktiviti sokongan samalah juga pentingnya dan seharusnya selari dan sehaluan dengan prestasi petunjuk bidang utama.

Antara program terpenting termasuklah, memperolehi skim pengasingan perkhidmatan CIDB dari pihak-pihak tertentu, memastikan perkhidmatan network dan pencapaian sistem maklumat sentiasa berada di tahap melebihi 99%, menyiapkan semua laporan audit dalam masa yang ditetapkan dan semua pembayaran diproses dan dibayar dalam tempoh 14 hari.

1.0 Skim Pengasingan Perkhidmatan CIDB

Seperti beberapa badan berkanun yang telah berjaya melalui skim pengasingan perkhidmatan seperti BSN, LTAT, LUTH, KWSP, LHDN dan PERKESO, CIDB telah mengkaji beberapa pilihan skim pengasingan yang dipercayai akan dapat mewujudkan satu agensi yang lebih berkesan dan efisien. Laporan cadangan pengasingan telahpun disediakan dan kini menunggu kelulusan pihak-pihak berwajib. Dijangka semua kelulusan yang diperlukan akan diperolehi pada tahun 2014.

2.0 Pembangunan Sumber Manusia

Usaha untuk meningkatkan kemahiran staf dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun. Prestasi untuk melatih 702 staf dalam bidang-bidang berkaitan amat menggalakkan. Tidak kurang daripada 99 kursus, seminar, bengkel dan persidangan telah dihadiri oleh staf dalam usaha meningkatkan kemahiran di bidang-bidang tertentu. Usaha untuk meningkatkan kepakaran dan kompetensi staf dalaman ini akan diteruskan.

3.0 Perkhidmatan Perolehan Korporat

Terdapat kecekapan yang tinggi dalam memproses permohonan tender, sebutharga dan juga pembelian terus di mana kesemua permohonan ini dapat ditimbang dan diproses dalam masa yang ditentukan. Sejumlah 3,174 permohonan tender, sebutharga dan pembelian terus berjaya diproses.

4.0 Perkhidmatan Akaun dan pemprosesan Bayaran

Semua akaun siap teraudit diperolehi pada Ogos 2013. Sementara itu untuk tahun 2013, CIDB berjaya memproses permintaan pembayaran dalam tempoh yang telah ditentukan. Dengan jumlah 9,317 bil, CIDB berjaya memproses 36 bil setiap hari bekerja.

5.0 Perkhidmatan Pengurusan Maklumat

Antara perkhidmatan terpenting bagi perkhidmatan pengurusan maklumat ialah memastikan pencapaian network dan kemudahan komputer di tahap 99%. Tahap perkhidmatan ini telah tercapai sejak beberapa tahun dahulu. Sementara itu perkhidmatan online bagi proses-proses utama juga telah beroperasi. CIDB sedang berusaha untuk memastikan lain-lain proses juga disediakan dalam talian. Ini bersesuaian dengan keperluan MAMPU yang

Supporting Activities are instrumental in ensuring the success of programs in the six key areas. Most of these activities relate to the provision of Information Management, Finance, Accounts and Administration, Legal and Internal Auditing services. As such, it is necessary that the performance of the supporting activities should match and run in parallel with the performance of the programs in the six key areas.

Among most important programs include, securing a separate service scheme for CIDB, maintaining network and computing service uptime at a minimum of 99%, completing all audit reports within the agreed time, and processing of payment invoices within 14 days

1.0 CIDB Service Separation Scheme

